

BENGKEL BUSINESS PROCESS SISTEM COUNSELLING2U STAF

Unit Psikologi telah mengadakan Bengkel Business Process Sistem Counselling2u Staf pada 7 April 2022 dan 12 Mei 2022 bertempat di Bilik Seminar, Pusat Kerjaya & Kaunseling.

Bengkel ini dijalankan bagi membincangkan berkenaan carta alir proses penyimpanan dan penjaan laporan untuk perkhidmatan psikologi dan kaunseling staf dalam sistem counselling2u.




TAKLIMAT PENGGUNAAN BORANG SESI BIMBINGAN AKRAB UiTM

Pada 7 Jun 2022, Unit Psikologi telah mengadakan satu taklimat bagi menerangkan tentang penggunaan borang-borang yang perlu diisi oleh setiap ahli AKRAB selepas sesi bimbingan dijalankan.

Borang-borang tersebut ialah borang laporan ringkasan temu bual pertama, borang laporan penamatan, borang biodata staf dan borang maklum balas perkhidmatan sesi bimbingan bersama AKRAB UiTM.

Maklumat pelaporan tersebut akan digunakan bagi pengumpulan data bagi tujuan penambahbaikan pihak penyelaras AKRAB UiTM Shah Alam.

Maklumat tersebut juga akan dianalisis dan laporan tersebut dihantar secara tahunan kepada pihak JPA. Seramai 20 orang peserta telah hadir yang terdiri daripada wakil ahli AKRAB dan penyelaras AKRAB daripada kampus cawangan UiTM.



BENGKEL SEMAKAN GARIS PANDUAN PELAKSANAAN AKRAB UiTM



Bengkel Semakan Garis Panduan Pelaksanaan AKRAB UiTM telah diadakan pada 2 Jun 2022. Bengkel ini melibatkan 4 orang Pegawai Psikologi daripada Unit Psikologi.

Semakan garis panduan pelaksanaan AKRAB UiTM diadakan untuk meneliti bahagian yang perlu ditambahbaik sebelum disemak dan diluluskan di peringkat Pusat Kerjaya dan Kaunseling. Garis panduan ini seterusnya akan dibawa ke Mesyuarat Sumber Manusia (MSM) universiti untuk kelulusan penggunaannya di Universiti Teknologi MARA seluruh sistem.





PUSAT KERJAYA DAN KAUNSELING

Bahagian Hal Ehwal Pelajar
Aras 5, Kompleks Budisiswa
Universiti Teknologi MARA
Shah Alam

☎ 03 - 5544 2630/2379/3211/3496
✉ pkk@uitm.edu.my